

30/04/2001

'Ahli Pas sukar terima saranan Nik Aziz'

KUALA LUMPUR, Ahad - Pelbagai peringkat kepimpinan Umno tidak yakin saranan Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, supaya pemulauan terhadap ahli Umno dihentikan, akan diterima mudah ahli parti itu.

Di BATU PAHAT, Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ini kerana perkara itu sudah sebatik dalam pemikiran mereka yang sekian lama menganggap Umno musuh.

"Ahli Pas tidak akan menerima saranan Nik Aziz, sebaliknya mereka lebih agresif kerana percaya semakin mendapat sokongan melalui cara mereka dulu (memulaukan ahli Umno).

"Lagipun, perkara ini (saranan menghentikan pemulauan terhadap ahli Umno) bukan baru," katanya selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Batu Pahat di Hotel Katerina di sini, hari ini.

Jumaat lalu, Nik Abdul Aziz dilaporkan berkata, ahli Pas perlu menghentikan perbuatan memulau ahli Umno kerana perbuatan itu merugikan Pas dan bertentangan ajaran Islam.

Beliau berkata, tindakan sesetengah ahli Pas yang enggan mengunjungi rumah atau menziarahi jenazah ahli Umno, sebagai berlawanan daripada ajaran Islam.

Akhbar hari ini melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai berkata, Nik Aziz jangan hanya mengeluarkan kenyataan tetapi perlu disusuli amalan menghentikan pemulauan terhadap ahli Umno.

Beliau yang juga Presiden Umno, berkata memang mudah bagi Nik Aziz menyatakan sesuatu tetapi ia perlu disusuli amalan, bukan setakat ungkapan.

Muhyiddin yang menyambut baik saranan itu, berkata, ia membuktikan wujud penyelewengan dalam Pas yang menjadi punca perpecahan di kalangan orang Melayu kerana perbezaan politik.

"Kita boleh mempunyai ideologi politik berbeza tetapi jangan sampai menyebabkan perpecahan seperti Pas menganggap Umno musuh mereka dan tidak Islam," katanya.

Beliau berkata, selaras saranan Nik Aziz itu, Pas perlu menerima Umno sebagai sebuah parti Islam yang memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan negara.

Di PAPAR, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Osu Sukam, menyambut baik kenyataan Nik Aziz.

"Ini sejajar seruan agama supaya mencintai musuh kita kerana jika kita membenci orang yang tidak suka dengan kita, ia menimbulkan budaya kebencian.

"Ia juga bukan bermakna kita perlu ketepikan ideologi politik sebaliknya mahu rakyat tanpa mengira parti sentiasa berusaha untuk kebaikan," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Lajim Ukin, berharap kenyataan itu akan disertai amalan, sekali gus menyumbang kepada perpaduan Melayu dan masyarakat Islam.

"Saya berharap kenyataan itu ikhlas kerana Islam memang menggalakkan umatnya berbaik sesama sendiri," katanya.

Setiausaha Barisan Nasional (BN) Sabah, Datuk Karim Bujang, berkata beliau melihat kenyataan itu hasil kesedaran Nik Aziz bahawa perbuatan memulau lebih banyak membawa kehancuran daripada kebaikan.

"Politik tidak seharusnya digunakan untuk memecahbelahkan masyarakat, justeru saya berharap kenyataan itu diterima baik oleh semua pihak,"

katanya.

(END)